

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	27 JULY 2017

# Sikap membantu semai perpaduan: PM

BH - 27/7/2017  
Pg. 2

➔ Pembinaan rumah perlindungan untuk golongan memerlukan pemangkin terbaik jamin keutuhan rakyat

Oleh Luqman Arif  
Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**M**enghulurkan tangan membantu golongan kurang bernasib baik berupaya menyemai 'benih' detik perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, selain menerusi pentas sukan, langkah memupuk pekerti murni itu adalah pemangkin terbaik untuk menjamin keutuhan silaturahim masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Saya suka lihat Malaysia yang bukan saja makmur, harmoni dan bersatu, tapi juga kegembiraan di

wajah rakyat, merangkumi pelbagai latar belakang.

"Kita boleh wujudkan detik yang berupaya mengukir berjuta senyuman menerusi sikap saling membantu tanpa mengira warna kulit, agama dan kepercayaan.

## Ganjaran berlipat kali ganda

"Membantu orang yang memerlukan juga adalah detik perpaduan, selain bakal mendapat ganjaran berlipat kali ganda jika ia dilakukan tanpa mengharap balasan," katanya pada majlis pecah tanah Rumah Perlindungan Warga Emas Ti-Ratana di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Sumbar Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Wi-

layah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Turut memeriahkan majlis adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mhd Amin Nordin Abdul Aziz; aktivis kemanusiaan, Tan Sri Lee Lam Thye dan Ketua Paderi Tertinggi Malaysia merangkap Penaung Persatuan Kebajikan Ti-Ratana, Datuk K Sri Dhammaratana.

Pembinaan rumah perlindungan lima tingkat dianggar bernilai RM12 juta itu terletak di Desa Petaling, di sini dan dijangka mampu menempatkan sehingga 180 warga emas.

Hasil sumbangan pelbagai pihak, kira-kira RM4 juta diraih untuk menampung kos pembinaan

rumah merangkumi luas kawasan 1,533 meter persegi berkenaan, sejak kempennya dilancarkan Perdana Menteri pada 2012.

## Kerajaan salur RM1 juta

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan menyalurkan RM1 juta untuk menampung kos pembinaan rumah perlindungan warga emas itu sebelum ini.

"Hari ini (semalam), saya tambah dana dari kerajaan bernilai RM1 juta supaya rumah yang bakal memanfaatkan golongan kurang berkemampuan dan warga emas ini berupaya dibangunkan.

"Saya berharap orang ramai yang berkemampuan tampil menyalurkan sumbangan kerana projek ini untuk manfaat bersama," katanya.